Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e001957
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1957

Keberkesanan Sistem Akaun Digital bagi Topik Laporan Kewangan dalam kalangan Pelajar Kolej Komuniti

(The Effectiveness of Digital Account System for Financial Reporting Topics among Community College Students)

Muhammad Afzhal Abdul Wahab[1*], Nor Hanita Hashim[2]
Nor Haniza Hashim[3], Siti Mistima Maat[4]

[1]Kolej Komuniti Paya Besar, Batu 19, Jalan Maran, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia.
Email: afzhal85@gmail.com
[2]Kolej Komuniti Pasir Salak, Jalan Lebuh Paduka, 36800 Kampung Gajah, Perak, Malaysia.
Email: hanita@kkpsa.edu.my
[3]Kolej Komuniti Bandar Darulaman, No. 17 Bandar Darulaman Jaya, 06000 Jitra, Kedah, Malaysia.
Email: haniza@kkbda.edu.my
[4]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: sitimistima@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Muhammad Afzhal Abdul Wahab
(afzhal85@gmail.com)

KATA KUNCI:
Keusahawanan
Pelajar
Laporan Kewangan
Sistem Akaun Digital

KEYWORDS:
Entrepreneurship
Student
Financial Reports
Digital Account System

CITATION:
Muhammad Afzhal Abdul Wahab et al. (2022). Keberkesanan Sistem Akaun Digital bagi Topik Laporan Kewangan dalam kalangan Pelajar Kolej Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(12), e001957. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1957

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada impak pelaksanaan Sistem Akaun Digital (SAD) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) topik Laporan Kewangan bagi subjek Keusahawanan di salah sebuah kolej komuniti di Malaysia. SAD merupakan aplikasi pembelajaran berkomputer yang dibina khas untuk membantu pelajar menghasilkan Laporan Kewangan perniagaan yang baik. Tujuan kajian adalah untuk menentukan tahap keberkesanan SAD membantu pelajar menghasilkan Laporan Kewangan dari aspek penjimatan masa dan juga aspek kelancaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Model ADDIE (*Analyze, Design, Develop, Implement, Evaluate*) digunakan untuk pembinaan SAD dan pendekatan kuantitatif digunakan dalam menentukan keberkesanan SAD. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan melibatkan 39 orang responden yang dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelajar Kursus Keusahawanan bagi program Sijil Pemprosesan Kawalan Mutu Makanan. Soal selidik kajian menggunakan skala Likert yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu aspek penjimatan masa dan kelancaran sesi pengajaran PdP. Para pelajar diberikan tugasan untuk menyediakan lembaran kewangan secara manual dan ujian masa penggunaan SAD dijalankan untuk dibuat perbandingan masa. Data kajian dianalisis menggunakan perisian MS Excel bagi menjawab persoalan kajian melalui analisis deskriptif. Dapatan kajian ini menunjukkan peratus kecenderungan penggunaan SAD adalah pada tahap tinggi. Data menunjukkan terdapat 89.7% responden bersetuju SAD menjimatkan masa dan membantu melancarkan sesi pengajaran dan pembelajaran.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa SAD menjimatkan masa dan membantu melancarkan pengajaran dan pembelajaran pelajar bagi kursus Keusahawanan. Oleh yang demikian, penggunaan SAD dapat meningkatkan keberkesanan PdP bagi topik Laporan Kewangan dalam kursus Keusahawanan pelajar. Aspek penjimatan masa dan kelancaran PdP boleh ditambahbaikkan dalam kajian lanjutan menggunakan metodologi kajian yang lebih baik.

ABSTRACT

This study focuses on the impact of the implementation of Digital Account System (DAS) in the teaching and learning process of Financial Reporting topic in Entrepreneurship's subject at community colleges. DAS is a computerized learning application to help students to produce accurate business Financial Reports. The purpose of the study is to determine the level of DAS effectiveness in helping students to produce Financial Reports from the aspect of time saving and the smoothness in the teaching and learning process. The ADDIE model (Analyze, Design, Develop, Implement, Evaluate) was used to build DAS and a quantitative approach was used in determining the effectiveness of DAS. A questionnaire was used as a research instrument and involved 39 respondents who were students of the Entrepreneurship Course from the Food Quality Control Processing Certificate program. The research questionnaire using Likert scale which is divided into two aspects, which are aspects of saving time and the smoothness of teaching and learning process sessions. The students were given the task of preparing the financial sheet manually and the DAS usage time test was conducted to make a time comparison. The research data was analyzed using MS Excel software to answer the research questions through descriptive analysis. The findings of this study show that the tendency percentage to use DAS is at a high level. Data shows that 89.7% respondents agreed that DAS are saving their time and help smoothing the teaching and learning sessions. The results of the study show that DAS saves time and helps to facilitate the teaching and learning of students for the Entrepreneurship course. Therefore, the use of DAS can improve the effectiveness of teaching and learning process for the topic of Financial Reports in the Student Entrepreneurship course. The aspect of time saving and smoothness of teaching and learning process can be improved in further studies using better methodology.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan pengurusan kewangan bagi pelajar yang mengikuti kursus MPU 12012 Keusahawanan. Kajian ini mengkaji keberkesanan Sistem Akaun Digital (SAD) dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi Topik Kewangan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti. SAD membantu menjimatkan masa penyediaan laporan kewangan pelajar.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1. Pengenalan

Keusahawanan merupakan satu aktiviti yang bertujuan untuk menambahkan kekayaan negara melalui peningkatan aktiviti ekonomi bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi kepada masyarakat (Othman & Dawood, 2020). Oleh itu bidang keusahawanan dapat memberikan impak yang signifikan kepada ekonomi negara. Hal ini terbukti dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1995. Pelbagai insentif telah diwujudkan melalui pelbagai agensi yang bernaung di bawah kementerian ini untuk memastikan perkembangan keusahawanan di Malaysia. Usaha ini telah dimantapkan lagi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dengan melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021–2025 dan Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu IPT atau *MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education* (EIE) bagi mendukung kelestarian agenda keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan graduan.

Sehubungan itu Kolej Komuniti Malaysia telah mewujudkan Kursus Keusahawanan (MPU 12012). Semua pelajar-pelajar Kolej Komuniti diwajibkan untuk mengambil kursus ini sebagai syarat untuk mereka mendapat Sijil Kolej Komuniti dalam jurusan masing-masing selepas tamat pengajian. Kursus ini mengandungi lima tajuk yang perlu dipelajari oleh para pelajar. Salah satunya ialah tajuk Kewangan. Tajuk ini memerlukan pelajar menyediakan Laporan Kewangan bagi melaporkan kedudukan kewangan perniagaan yang dijalankan. Laporan ini terbahagi kepada lapan bahagian iaitu Aset Tetap, Kos Pentadbiran, Kos Pemasaran, Kos Operasi, Kos Pelaksanaan, Kos Bahan dan Harga, Untung Rugi dan Aliran Tunai. Para pelajar perlu mengenal pasti, menyusun dan mengira semua kos yang terlibat bagi membolehkan mereka menyediakan Laporan Kewangan yang tepat dan komprehensif bagi perniagaan mereka.

Pada masa yang sama perkembangan pesat TMK (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) telah memberikan kesan yang signifikan dalam bidang pendidikan. Selain itu juga perkembangan dan kecanggihan yang dibawa oleh TMK telah memberikan nafas baru dalam penghasilan inovasi bidang pendidikan. Hal ini disokong oleh Zakaria (2017) yang menyatakan bahawa ICT dapat membantu proses PdP menjadi semakin lebih menarik dan berkesan.

1.1. Pernyataan Masalah

Apabila pelajar mempelajari Modul Keusahawanan, mereka perlu diajar untuk menyediakan Laporan Kewangan yang lengkap bagi membolehkan pelajar menyediakan sendiri Laporan Kewangan ketika memulakan perniagaan. Pada awalnya, pelajar hanya dibekalkan lembaran Proforma Aliran Tunai melalui penggunaan Lembaran Manual oleh pensyarah. Item-item lain di dalam Laporan Kewangan perlu disediakan sendiri oleh pelajar. Ini menyebabkan pelajar keliru dan tidak dapat menyediakan Laporan Kewangan yang baik kerana terdapat salah pengiraan dan format. Semasa pelajar menyediakan Laporan Kewangan menggunakan Proforma Aliran Tunai ini, terdapat banyak kesilapan pengiraan serta mengambil masa yang lama untuk menyiapkan rekod tersebut. Maka, penyelidik mendapat idea menghasilkan templat produk inovasi yang dinamakan SAD sebagai alat bantu mengajar yang bertujuan untuk memudahkan pelajar memahami dan dapat menyediakan Laporan Kewangan dengan cepat dan tidak terdapat kesalahan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengiraan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif berikut;

i. Membangunkan SAD untuk membantu pelajar membina Laporan Kewangan
ii. Menguji keberkesanan SAD terhadap aspek penjimatan masa dan aspek kelancaran sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) bagi topik Laporan Kewangan.

1.2. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian inovasi ini adalah penting untuk membantu pelajar menguasai ilmu dan kemahiran Laporan Kewangan yang diberikan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dapatan dan analisa yang diberikan melalui kajian ini akan menentukan sejauh mana inovasi ini mampu membantu pelajar dalam menyediakan Laporan Kewangan dengan tepat dan betul. Hal ini telah disokong oleh Karsilah et al (2017) dan Petrowski (2000) yang menyatakan kecenderungan dan komitmen pensyarah yang tinggi untuk membuat inovasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran memberikan kesan yang signifikan dalam melahirkan pelajar yang berkualiti. Penguasaan pelajar terhadap teknik pengurusan kewangan yang cekap adalah sangat kritikal. Hal ini kerana pengurusan kewangan merupakan penentu kepada kejayaan sesebuah perniagaan. Pengurusan kewangan yang lemah dan tidak cekap serta kemahiran yang rendah akan menyebabkan sesebuah perniagaan itu mengalami kerugian dan sekali gus gagal. Perkara ini disokong melalui pernyataan yang dibuat oleh Sudar (2003) yang menyatakan bahawa usahawan atau bakal usahawan perlu mempunyai ilmu kewangan yang baik untuk mengurangkan risiko kegagalan. Oleh itu dengan adanya inovasi ini, ianya di lihat akan membantu pelajar menguasai ilmu berkaitan aspek kewangan sekali gus membantu mereka mengendalikan perniagaan yang bakal dibuka kelak. Selain daripada itu, kajian ini merupakan satu sokongan secara tidak langsung kepada usaha berterusan kerajaan untuk memantapkan lagi sektor keusahawanan dalam negara. Ini dibuktikan dengan pelbagai usaha dan inisiatif yang digerakkan melalui pelbagai agensi kerajaan untuk membantu para usahawan dan bakal usahawan. Ahmad dan Yusop (2021) menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah mewujudkan beberapa kementerian untuk membantu dan membangunkan aktiviti keusahawanan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh itu dengan gabungan antara kepentingan membuat inovasi dalam membantu pelajar menguasai kemahiran dalam sesi PDP dan kepentingan pelajar sebagai bakal usahawan menguasai aspek kewangan maka pasukan penyelidik telah membangunkan produk inovasi SAD untuk membantu para pelajar atau bakal usahawan ini.

2. Sorotan Literatur

Aspek pengurusan kewangan merupakan salah satu aspek yang sangat penting untuk dipelajari dan dikuasai oleh bakal usahawan atau usahawan itu sendiri. Ilmu dalam kewangan dilihat sebagai keupayaan individu menggunakan pengetahuan serta kemahiran bagi menguruskan sumber kewangan dengan berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan sepanjang hayat (Ahmad & Fazil, 2021). Penyataan ini juga disokong oleh Ahmad dan Yusop (2021) yang menyatakan bahawasanya pengurusan kewangan yang cekap akan membantu usahawan atau bakal usahawan memastikan sumber perniagaan akan digunakan dengan cekap dan optimum. Pengurusan kewangan yang cekap memerlukan pengetahuan berkaitan asas perakaunan. Mancini (2017) pula menyatakan teknologi digital memberikan kesan kepada model perniagaan, daya saing

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan strategi perniagaan kepada pasaran. Selain itu ianya juga memberikan kesan yang signifikan ke atas sistem kawalan pengurusan dan perakaunan (Mancini, 2017). Sehubungan itu, kemajuan teknologi digital yang berkembang maju memberi peluang kepada tenaga pendidik untuk menjalankan inovasi bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Maka, SAD diwujudkan bagi memberikan asas perakaunan kepada para pelajar Kursus Keusahawanan walaupun pelajar tidak mempunyai pengetahuan asas perakaunan sebelum ini. SAD dibina menggunakan *Microsoft Excel* yang telah diformulasikan secara automatik bagi memudahkan pelajar menyediakan Laporan Kewangan. Inovasi SAD ini menepati dapatan pelaporan perakaunan era digital ini berubah di mana pelaporan perakaunan yang segera apabila perniagaan dijalankan (Gulin et al, 2019).

Inovasi ialah tindakan dalam menciptakan sesuatu yang baru dengan menghasilkan pendekatan yang baru (Gumanti, 2020). Inovasi dalam bidang pendidikan bukanlah perkara baru pada zaman sekarang. Bahkan ianya bertambah penting, selaras dengan perkembangan teknologi dan juga percambahan ilmu-ilmu baharu. Inovasi yang dibuat oleh para pensyarah mampu melahirkan pelajar yang berkualiti (Karsilah et al., 2017; Petrowski, 2000). Perkembangan dan kecanggihan yang dibawa oleh TMK (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) telah memberikan nafas baru dalam penghasilan inovasi dalam bidang pendidikan. TMK dapat membantu proses PdP menjadi semakin lebih menarik dan berkesan (Zakaria, 2017). Selain itu ianya juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta mampu meningkatkan kualiti pengajaran para guru. Di samping itu juga TMK dapat mempercepatkan penerimaan murid serta mampu menjana tahap pemikiran murid. Ab Rahman et al. (2015) juga menyokong dengan menyatakan dapatan kajian menunjukkan murid yang didedahkan dengan penggunaan komputer secara signifikan lebih baik min skor ujian pasca berbanding kumpulan kawalan.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengukur tahap keberkesanan SAD. Soal selidik telah diedarkan kepada 39 orang responden yang terdiri daripada pelajar Sijil Pemprosesan Kawalan Mutu dan Makanan daripada salah sebuah kolej komuniti di Malaysia. Responden ini dipilih dalam kalangan pelajar semester akhir yang mengikuti kursus Keusahawanan (MPU 12012). Teknik persampelan digunakan secara rawak bagi memastikan semua sampel mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Item soal selidik diadaptasi daripada kajian "Penggunaan *Mechanic Tools Board* (MTB) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Selenggara Sistem Stereng Di Bengkel Automotif (Mohd Faizi et al., 2013). Item-item ini diadaptasi dan diubahsuai mengikut kesesuaian projek inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik. Soalan kaji selidik tersebut terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian profil, bahagian aspek penjimatan masa serta bahagian aspek kelancaran sesi PdP. Kesemua set soalan ini menggunakan skala *Likert* yang terdiri dari 5 skor iaitu 'Sangat Rendah', 'Rendah', 'Sederhana', 'Tinggi', dan 'Sangat Tinggi'.

Manakala, pembinaan ADDIE bagi kajian ini adalah berdasarkan cadangan Richey dan Klein (2014) seperti yang ditunjukkan di Rajah 1. ADDIE ialah singkatan kepada 5 fasa proses pembinaan iaitu *Analyze* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Develop* (pembinaan), *Implement* (pelaksanaan), dan *Evaluate* (penilaian). Model ADDIE dipilih berdasarkan kesesuaian dan fleksibel dari aspek pembinaan berbanding modul rekabentuk pembangunan yang lain.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 1: Model Reka Bentuk ADDIE



Sumber: Richey dan Klein (2014)

3.1. Fasa Analisis

Strickland (2006) telah menyatakan dalam fasa analisis, permasalahan yang berkaitan dengan instruksional dinyatakan dan dijelaskan bertujuan untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan semasa proses pembinaan kelak. Dalam kajian ini, pasukan penyelidik telah membuat lawatan ke tapak kajian bagi memahami dan menganalisis situasi PdP yang melibatkan para pensyarah dan pelajar. Hal ini penting bagi mengenal pasti kaedah dan elemen yang paling berkesan untuk dimasukkan di dalam aplikasi yang dibina, supaya pelajar yang menggunakan aplikasi tersebut mampu mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

3.2. Fasa Reka Bentuk

Pada tahap reka bentuk ini, satu strategi instruksional telah dianalisis, dirancang dan dirangka secara dinamik oleh penyelidik melalui sesi perbincangan yang komprehensif untuk membangunkan *Sistem Akaun Digital* ini. Hasil perbincangan dilakukan telah menetapkan penggunaan perisian *Microsoft Excel.* Hal ini kerana *Microsoft Excel* mempunyai kemampuan khusus untuk membina formulasi matematik khas mengikut kriteria yang diinginkan oleh pasukan penyelidik. Selain itu juga, ia mempunyai kemampuan untuk menerapkan elemen visual yang baik dan mesra pengguna kerana boleh digunakan dalam pelbagai medium peranti seperti komputer peribadi, komputer mudah alih dan telefon pintar. Selain itu juga pasukan penyelidik telah membuat keputusan untuk memilih kaedah kuantitatif sebagai alat mengukur keberkesanan *SAD* ini.

3.3. Fasa Pembinaan

Pada fasa ini, perisian *Microsoft Excel* telah digunakan dan elemen-elemen seperti formulasi matematik dan visual telah dimasukkan mengikut turutan yang telah ditetapkan dalam fasa rekabentuk. Prototaip yang dihasilkan daripada fasa ini telah menjalani ujian kebolehlaksanaan bagi memastikan ianya sempurna ketika fasa

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelaksanaan. Ujian kebolehlaksanaan ini penting bagi memastikan SAD yang dibina siap sedia untuk digunakan.

3.4. Fasa Pelaksanaan

Fasa pelaksanaan ini adalah fasa di mana produk SAD ini telah diberikan kepada para pelajar di dalam sesi PdP. Taklimat juga diberikan kepada para pelajar sebelum menggunakan bagi memastikan mereka mahir menggunakan SAD sebelum penilaian dimulakan.

3.5. Fasa Penilaian

Penilaian dimulakan dengan memberikan satu set soalan kaji selidik terhadap 39 pelajar setelah menggunakan SAD. Hasil dapatan dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel* bagi setiap bahagian yang dikaji. Penggunaan statistik deskriptif seperti frekuensi (n) dan peratusan (%) digunakan bagi tujuan pelaporan data.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian berkaitan penggunaan SAD dalam proses PdP meliputi profil responden, dan tahap reaksi responden kajian terhadap SAD Profil responden iaitu jantina, umur dan tempoh pengajian dijelaskan melalui analisis deskriptif. Statistik yang digunakan adalah frekuensi dan peratusan. Sementara itu, tahap reaksi responden terhadap dua aspek diklasifikasikan melalui interpretasi skor min sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (tahap)
1.0-1.8	Sangat Rendah
1.9-2.6	Rendah
2.7-3.4	Sederhana
3.5-4.2	Tinggi
4.3-5.0	Sangat Tinggi

Sumber: Kamaruzaman (2009)

4.1. Profil Responden Kajian

Pengkaji telah mendapatkan maklum balas berjumlah 39 orang. Berdasarkan Jadual 2, Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada responden perempuan seramai 26 orang dan 13 orang pelajar lelaki. Merujuk kepada Jadual 2, seramai 34 orang (87.2%) responden berumur di bawah 20 tahun, manakala 5 orang responden (12.8%) responden berumur 20 tahun dan ke atas. Sementara ini, 36 orang responden (92.3%) telah menjalani pengajian di Kolej Komuniti Pasir Salak di bawah 12 bulan, manakala 3 orang responden yang lain (7.7%) telah menjalani pengajian melebihi 12 bulan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Profil Responden Kajian

Latar belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Perempuan	26	66.7
	Lelaki	13	33.3
Umur	Bawah 20 tahun	34	87.2%
	20 tahun dan ke atas	5	12.8%
Tempoh Pengajian	Bawah 12 bulan	36	92.3%
	12 bulan dan ke atas	3	7.7%

4.2. Analisis Tahap Aspek Penjimatan Masa

Hasil dapatan soal selidik bagi aspek penjimatan masa penggunaan SAD (Sistem Akaun Digital) adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Analisis Tahap Penjimatan Masa bagi Penggunaan SAD

		SKALA				
B	**ITEM**	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**
B1	Templat *Sistem Akaun Digital* digunakan dengan cepat	1 2.6%	0 0%	3 7.7%	10 25.6%	25 64.1%
B2	Proses *key in data* dengan cepat	1 2.6%	1 2.6%	2 5.1%	9 23.1	26 66.7%
B3	Membantu dalam pengurusan masa semasa melakukan perekodan.	1 2.6%	0 0%	3 7.7%	11 28.2%	24 61.5%
B4	Menjimatkan masa semasa menjalankan tugasan	1 2.6%	1 2.6%	3 7.7%	7 17.9%	27 69.2%
B5	Semakan item dapat dilakukan dengan cepat	1 2.6%	0 0%	2 5.1%	6 15.4%	30 76.9%
B6	Mudah di akses dimana-mana dalam masa yang singkat	1 2.6%	1 2.6%	1 2.6%	15 38.5%	21 53.8%

Hasil analisis aspek penjimatan masa bagi item B1, templat SAD digunakan dengan cepat, sebanyak 25 (64.1%) responden menyatakan sangat bersetuju manakala 1 (2.6%) responden tidak bersetuju. Item B2, proses memasukkan data dengan cepat, 26 (66.7%) responden cenderung menyatakan sangat setuju manakala 1 (2.6%) tidak bersetuju. Ini mungkin disebabkan responden kurang faham penggunaan SAD dengan baik. Bagi item B3, SAD membantu dalam pengurusan masa semasa melakukan perekodan, 24 (61.5%) menyatakan sangat setuju dan 1 (2.6%) tidak bersetuju terhadap penyataan ini. Sebanyak 27 (69.2%) responden menyatakan SAD ini menjimatkan masa semasa menjalankan tugasan dalam menyediakan Laporan Kewangan dan 1 (2.6%) tidak bersetuju. Manakala 30 (76.9%) responden sangat bersetuju dengan penyataan semakan item dapat dilakukan cepat. Bagi item terakhir B6, mudah diakses di mana-mana dalam masa yang singkat, 21 (53.8%) responden sangat bersetuju dan 1 (2.6%) tidak bersetuju.

Berdasarkan Jadual 4, didapati majoriti seramai 23 (58.9%) responden cenderung bersetuju bahawa SAD memudahkan tugasan dilaksanakan dan memudahkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penyediaan Laporan Kewangan. SAD adalah bahan interaktif yang dipersetujui oleh 22 (56.4%) responden kajian. Kelancaran penyediaan Laporan Kewangan diakui oleh seramai 22 (56.4%) responden. Ciri mudah mesra SAD disokong oleh 24 (61.5%) responden dan 20 (51.2%) responden menyatakan SAD mampu menjana pembelajaran secara berkesan. Malahan 24 (61.5%) berpendapat bahawa SAD berkebolehan menarik minat pelajar dalam penyediaan Laporan Kewangan.

Jadual 4: Data soal selidik bagi Tahap Reaksi Responden Terhadap Aspek Kelancaran Pengajaran dan Pembelajaran

		SKALA				
C	**ITEM**	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**
C1	*Sistem Akaun Digital* memudahkan tugasan dijalankan.	1 2.6%	1 2.6%	1 2.6%	13 33.3%	23 58.9%
C2	Mengelakkan kesilapan pengiraan	1 2.6%	0 0%	4 10.3%	11 28.2%	23 58.9%
C3	*Sistem Akaun Digital* sangat interaktif	1 2.6%	1 2.6%	1 2.6%	14 35.9%	22 56.4%
C4	Aspek dalam *Sistem Akaun Digital* membantu memudahkan penyediaan Laporan Kewangan	1 2.6%	0 0%	3 7.7%	12 30.8%	23 58.9%
C5	Aktiviti tugasan penyediaan Laporan Kewangan berjalan lancar.	1 2.6%	1 2.6%	2 5.1%	13 33.3%	22 56.4%
C6	*Sistem Akaun Digital* mudah digunakan *(user-friendly)*.	1 2.6%	0 0%	1 2.6%	13 33.3%	24 61.5%
C7	Menjana pembelajaran yang berkesan.	23	0 0%	2 5.1%	16 41.0%	20 51.2%
C8	Meningkatkan minat untuk menyediakan Laporan Kewangan	0 0%	1 2.6%	2 5.1%	12 30.8%	24 61.5%

5. Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, pembinaan SAD didapati memenuhi keperluan bahan PdP bagi kursus Keusahawanan dalam kalangan pelajar. Penggunaan model ADDIE dalam pembinaan SAD dapat menghasilkan bahan yang berkualiti dan menambah bahan inovasi yang sedia ada. Elemen teknologi yang terkandung dalam SAD merupakan nilai tambah dalam memperkenalkan konsep pembelajaran dalam topik kewangan secara praktikal bagi menjadikan sesi PdP lebih menarik dan berkesan. Hal tersebut adalah konsisten seperti yang dicadangkan oleh Srinivasan dan Venkatraman (2018). Setiap fasa dalam ADDIE telah dilaksanakan dalam kajian ini bagi memastikan pelaksanaan kajian dapat dibuat dengan menepati keperluan metodologi yang ditetapkan serta objektif yang ingin dicapai. Dua objektif kajian ini merangkumi penentuan keberkesanan dari aspek penjimatan masa dan kelancaran proses PdP yang berlangsung.

Dapatan kajian menunjukkan, penggunaan SAD mampu untuk menjimatkan masa dalam PdP bagi topik penyediaan laporan kewangan. Kriteria seperti masa yang digunakan singkat, mesra pengguna, kaedah perekodan yang sistematik dan mudah diakses pada bila-bila masa membantu menaikkan minat pelajar dalam memahami topik yang dikatakan disukarkan. Templat SAD dapat digunakan secara efisien memudahkan sesi PdP dan menjadikan topik yang diajar lebih menarik. PdP yang menarik mampu menjadikan penglibatan pelajar dalam topik yang sukar dapat ditingkatkan (Tunio et al., 2021).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malahan sesi PdP dapat berlangsung secara lancar dalam memudahkan tugasan yang diberi. Kesilapan pengiraan dapat dielakkan berdasarkan kriteria interaktif yang ditunjukkan oleh elemen digital dalam SAD. Penyediaan laporan kewangan dapat disediakan dengan mudah melalui peningkatan minat pelajar (Berényi & Deutsch, 2018). Ini membantu pelajar untuk menyiapkan tugasan dan kelancaran PdP dapat memastikan kelestarian kefahaman topik ini. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh ditambahbaik dengan memastikan penggunaan metodologi yang lebih terperinci dan meningkatkan bilangan responden dari pelbagai latar belakang. Pembinaan SAD ini perlu diperhalusi pada kajian lanjutan bagi memastikan keluwesan penggunaan dalam kalangan pelajar dan pengajar topik Kewangan.

Justeru, pengajaran topik Laporan Kewangan bagi kursus Keusahawanan dapat dilaksanakan secara berkesan melalui alat bantu mengajar seperti SAD. Pelajar dan pengajar dapat memanfaatkan bahan tersebut melalui sesi PdP yang lancar dan menarik. Pengintegrasian teknologi dapat menjadikan bahan pengajaran menarik dan boleh diakses melalui pelbagai medium.

6. Kesimpulan

Penggunaan SAD telah menunjukkan keberkesanan terhadap penjimatan masa dalam penghasilan laporan kewangan dalam kursus Keusahawanan. Kelancaran PdP juga dapat dicapai dan menjadikan SAD ini boleh menggantikan Lembaran Manual yang biasa digunakan dalam kursus tersebut. Alat bantu mengajar yang bersifat interaktif seperti SAD dapat menarik minat pelajar dan meningkatkan kefahaman bagi mempelajari topik yang sukar. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan supaya SAD dapat dilaksanakan secara eksperimental bagi menentukan keberkesanan dari pelbagai aspek seperti kebolehgunaan dan penggunaan sampel yang lebih besar. Perbandingan SAD dengan alat bantu mengajar yang setara dalam kajian lanjutan akan menambah baik kualiti bahan dan PdP. Aspek komersial SAD seharusnya dipertimbangkan bagi memberi nilai tambah dan kelestarian bahan bantu mengajar yang dihasilkan. SAD boleh diperkenalkan di pelbagai peringkat pengajian yang setara melalui aktiviti bengkel dan seminar bagi menjadikan bahan tersebut boleh diguna capai secara meluas.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini menerima tajaan atau bantuan kewangan daripada Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ab Rahman, H., Zainal, N., & Ab Karim, N. A. (2015, June). Keberkesanan penggunaan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam bagi sekolah kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. In *International Conference on Information Technology & Society* (pp. 8-9).

Ahmad, N. L., & Fazil, N. F. M. (2021). Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Perakaunan Universiti Awam. *Jurnal Personalia Pelajar, 24*(1).

Ahmad, N. A., & Yusop, N. M. (2021). Tahap Pengurusan Kewangan Di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Daerah Ketereh. *Jurnal Dunia Perniagaan, 3*(3), 25-35.

Berényi, L., & Deutsch, N. (2018). Effective teaching methods in business higher education: a students' perspective. *International Journal of Education and Information Technologies*, *12*, 37-45.

Gumanti, R. W. (2020). Inovasi Pendidikan Dalam Efektivitas Penerapan Kurikulum 2013. *Jurnal Syntax Imperati: Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan, 1*(4), 264-279.

Gulin, D., Hladika, M., & Valenta, I. (2019). Digitalization and the Challenges for the Accounting Profession. *SSRN Electronic Journal*. https://doi.org/10.2139/ssrn.3492237

Karsilah, et al. (2017), Inovasi Model Pembelajaran Guided Inquiry Untuk Meningkatkan Kemampuan Kognitif Siswa Smp, *Indonesian Journal of Science and Education, 1*(1), 49~56.

Kamaruzaman, M. (2009). *Keberkesanan program kelayakan profesional kepengetuaan kebangsaan (NPQH)*. (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Mancini, D., Lamboglia, R., Castellano, N. G., & Corsi, K. (2017). Trends of digital innovation applied to accounting information and management control systems. In *Reshaping accounting and management control systems* (pp. 1-19). Springer, Cham.

Mohd Faizi et al. (2013). Penggunaan *Mechanic Tools Board* (MTB) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Selenggara Sistem Stereng Di Bengkel Automotif. Prosiding *Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Peringkat Zon Utara*.

Othman, A. S. H., & Dawood, S. R. S. (2020). Keusahawanan wanita di Kelantan berteraskan model ekonomi baru: hala tuju dan cabaran. *e-BANGI*, *17*(4), 124-148.

Petrowski, M. J. (2000). Creativity research: implications for teaching, learning, and thinking. *Reference Services Review*, *28*(4), 304-312.

Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and development research. Dalam *Handbook of Research on Educational Communications and Technology* (pp. 141–150). New York: Springer New York. https://doi.org/10.1007/978-1- 4614-3185-5_12

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tunio, M. N., Chaudhry, I. S., Shaikh, S., Jariko, M. A., & Brahmi, M. (2021). Determinants of the sustainable entrepreneurial engagement of youth in developing country—An empirical evidence from Pakistan. *Sustainability*, *13*(14), 7764.

Srinivasan, A., & Venkatraman, N. (2018). Entrepreneurship in digital platforms: A network-centric view. *Strategic Entrepreneurship Journal*, *12*(1), 54-71.

Strickland, A. W. (2006). *ADDIE*. Idaho State University College of Education, Science, Math & Technology Education.

Sudar, K. (2003). *Satu tinjauan terhadap pengetahuan pengurusan kewangan dalam bidang keusahawanan bagi pelajar tahun akhir sarjana muda kejuruteraan KUITTHO*. (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).

Zakaria, S. R., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2017). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah Pendidikan Islam di politeknik zon selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, *3*(1), 29-41.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).